

PM, KP Kesihatan selesai disuntik vaksin Covid-19



Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR dan MAISARAH SHEIKH RAHIM 24 Februari 2021, 3:28 pm

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin berjaya disuntik vaksin Covid-19 Pfizer-Biontech di Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya Presint 11, di sini, sebentar tadi.

Selain Perdana Menteri, turut menerima suntikan vaksin ialah Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah

Suntikan ke atas dua individu terpenting negara itu dibuat sempena pelancaran Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Fasa Pertama.

Sebelum itu, Muhyiddin yang tiba jam 2.25 petang disambut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin serta Dr. Noor Hisham.

Pemimpin nombor satu negara itu kemudian dibawa ke auditorium PKD terbabit bagi sesi taklimat video secara ringkas mengenai vaksin terbabit.



MUHYIDDIN Yassin tiba di Pusat Pemberian Vaksin Covid-19 di Pejabat Kesihatan Daerah Presint 11, Putrajaya untuk menerima suntikan vaksin Covid-19, Pfizer-BioNTech, hari ini. Ia menandakan bermulanya secara rasmi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di Malaysia.
GAMBAR : FAISOL MUSTAFA

Selepas itu, beliau dan Dr. Noor Hisham menandatangani surat kebenaran bagi menerima suntikan vaksin Covid-19 selain membuat deklarasi kesihatan dan penerangan secara lisan oleh pegawai perubatan.

Selesai penerangan ringkas, Muhyiddin dibawa ke stesen suntikan sebelum diberi penerangan ringkas sebelum disuntik vaksin menggunakan picagari khas Low Dead Volume (LDV) oleh Ketua Jururawat Kesihatan PKD Putrajaya, Lina Ibrahim yang dibantu Jururawat Klinik Kesihatan Presint 9, Mazirah Mokhtar, jam 2.42 petang

Muhyiddin kemudian menunjukkan playkad, Lindungi Diri, Lindungi Semua bagi menunjukkan program imunisasi yang dilaksanakan kerajaan adalah untuk melindungi rakyat Malaysia dari wabak Covid-19.

Beliau kemudian dibawa ke bilik khas untuk berehat selama 30 minit seperti yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) ke atas mana-mana individu yang mengambil suntikan vaksin Covid-19 selepas membuat temujanji untuk pengambilan dos kedua melalui aplikasi Mysejahtera menggunakan telefon bimbitnya.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham pula berjaya disuntik vaksin Covid-19, 10 minit kemudian sebelum dibawa ke bilik khas bagi menjalani proses pasca suntikan.

Selain dua pemimpin itu, enam petugas kesihatan juga menerima suntikan vaksin iaitu Pegawai Perubatan, Dr. Tan Yee Ling; Penolong Pegawai Perubatan, Khairul Asraf Mohd Yasin dan pemandu KKM, Clement a/l Marai Francis manakala tiga jururawat iaitu, Lina, Mazirah dan Sheilla Mellisa Sikin. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by



PRU-15: UMNO berikata dua
Banyakkan rehat sebelum...
Saringan sejarah alaha...



Pasaran
Insurans....



Zaman UMNO
kuasai politik...




Polis tahan
lelaki 'suka'...



Bangga dan
bersyukur —...



Ratusan itik
mati akibat...



CEO kasino,
isteri sanggup...



POPULAR



Ribuan pekerja asing mati di Qatar

25 Februari 2021, 11:30 am



Pengeluaran telur itik meningkat, namun banyak penternak
'gulung tikar'

25 Februari 2021, 11:27 am



Ratusan itik mati akibat dedak murah

25 Februari 2021, 11:07 am



75 banduan mati dalam rusuhan

25 Februari 2021, 11:00 am



**IKLANKAN
PRODUK
ANDA DI SINI**

Urusan
Malaysia **Kosmo!**

Hubungi kami
sales@mediamulla.com.my

**LANGGAN SEKARANG
UNTUK AKSES BERITA
PREMIUM**

KLIK SINI

Polis Johor terima 34 buah Toyota Hilux ganti Land Rover

Watanabe idam juara Liga Premier

Taman haiwan SLWOT kini boleh dikunjungi

United turunkan kesebelasan terbaik

United tuntutkan Resedensi terdair

Kuantan FA, Marcerra United tuntutan RM1 juta

Kanak-kanak setahun tak pakai 'mask' disaman

BERITA BERKAITAN



Pengeluaran telur itik meningkat, namun banyak penternak 'gulung tikar'

25 Februari 2021, 11:27 am



Ratusan itik mati akibat dedak murah

25 Februari 2021, 11:07 am





Bermula 'kosong', kini pakar ayam goreng

25 Februari 2021, 10:29 am



Gelandangan hidap kanser rayu tinggal tempat selesa

25 Februari 2021, 10:27 am

PEMERIKSAAN KAHABU
**Utusan
Malaysia**

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

